

Mutakhir ini, dunia berdepan pelbagai ketidakpastian yang menjadikan pelbagai perkara semakin sukar diramal.

Tiga (3) domain utama iaitu politik, ekonomi dan sosial mencakupi segenap penjuru kehidupan diinjak dengan pelbagai cabaran yang menggila. Polemik kelemahan mahasiswa dengan pelbagai tanda harga murah seperti tidak cukup ilmu, tidak berkemahiran, bermasalah dalam komunikasi, memiliki sikap negatif, kurang cakna dan berpengetahuan rendah adalah antara yang boleh disenaraikan. Mendukacitakan. Belum lagi ditambah graduan muda yang dikatakan bersikap 'sangat mendesak' dalam soal gaji permulaan berbanding

FOTO: 123RF.COM



Cabaran industri 4.0 mahasiswa abad ke-21

kemahiran.

Keadaan semakin membimbangkan sebagaimana laporan media baru-baru ini bahawa lebih ramai akan dibuang kerja, lantaran cabaran ekonomi selain daripada adaptasi teknologi-teknologi baharu. Menurut Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan, antara sektor yang diramalkan mengalami impaknya merangkumi industri perbankan, insurans, pembinaan dan pembuatan. Data empirikal yang dilaporkan sehingga September 2016, hampir 40,000 orang pekerja telah diberhentikan, selain masing-masing 44,000 dan 25,917 orang pada 2015 dan 2014.

Data ini tidak harus dipandang ringan dan amat membimbangkan! Justeru, mahasiswa di Universiti pada hari ini tidak seharusnya duduk selesa berpeluk tubuh atau masih lagi berada di awang-awangan dalam dunia sendiri yang penuh ketidakmatangan – menghabiskan masa berjam-jam tanpa haluan di dunia maya - internet dan komputer atau masa senggang kuliah pula hanya sekadar 'bergentayangan' tanpa tujuan. Mereka mesti mempersiapkan senjata ampuh bagi menghadapi cabaran dunia kerjaya yang semakin tidak menentu. Sudahlah semakin ramai yang diberhentikan seperti dilaporkan, jika mahasiswa tidak mencapai kompetensi dikehendaki, bagaimana agaknya mereka dapat menembusi pasaran pekerjaan kelak? Cabarannya juga dihimpit lagi apabila



Profesor Madya Dr Afandi Ahmad
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

pada 2020 kelak, Revolusi Perindustrian Keempat atau Industri 4.0 bakal menghidangkan kepada kita akan robotik termaju dan pengangkutan autonomi, kepintaran buatan, bahan termaju, bioteknologi dan 'genom' yang juga disebut menerusi sembilan tonggak iaitu robot automasi, simulasi, integrasi sistem, *Internet of Things* (IoT), keselamatan siber, pengkomputeran awan, pembuatan bahan tambahan, dunia realiti maya, analisis data besar, serta integrasi sistem menegak dan melintang.

Bagi menghadapi persekitaran yang semakin kompleks, mahasiswa abad ke-21 mesti memperkukuh diri dengan lima (5) perkara yang turut sepadan dengan beberapa ciri digariskan sebagai kemahiran unggul oleh Forum Ekonomi Dunia:

1. Mahir menyelesaikan masalah yang kompleks
2. Mahir sebagai pemimpin dan ahli pasukan yang berkesan
3. Mahir berkomunikasi secara lisan dan bertulis
4. Memiliki kepintaran emosi
5. Memiliki nilai integriti dan moral terpuji

Hari ini, media sarat melaporkan salah laku mereka yang berkepentingan berkaitan hak dan kebatilan. Rasuah kini seumpama dadah, benar rasuah adalah musuh negara! Menjunjung tinggi

nilai integriti bagi mengharungi cabaran kerjaya yang semakin mencabar dilihat sangat signifikan bukan sahaja dalam aspek kebendaan tetapi pastinya dalam erti kata peri pentingnya menjunjung paradigma Tauhid di setiap penjuru kehidupan. Kebanjiran pengaruh kemewahan melampau yang banyak dimomokkan menjadikan masalah dan dunia semakin kompleks. Tidak keterlaluan jika dikatakan ramai yang cenderung memilih jalan pintas untuk mendapatkannya.

Jika aspek akhlak, ilmu dan integriti tidak diadun bersama, apakah yang akan terjadi terhadap nilai masyarakat. Hari ini, tanpa segan silu misalnya berlaku kelulusan akademik seperti ijazah doktor falsafah yang dijual beli. Apakah sudah sampai detiknya harga diri umpama terletak di bawah tapak kaki? Bukankah diari menghadap Ilahi tidak pernah kita ketahui. Entah esok lusa, atau pun petang ini kita pasti akan pergi. Tanyalah diri, apa akan dibawa sebagai bekal nanti.

Ringkasnya, Revolusi Perindustrian Keempat memerlukan Malaysia menyediakan modal insan terpuji bagi menghadapi cabaran teknologi baharu yang kompleks. Mahasiswa di Universiti mesti lebih sedar dan merebut peluang bertatih selama tiga (3) hingga empat (4) tahun di Universiti untuk mempersiapkan diri.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) jelas sangat positif dengan pelbagai kerangka untuk membolehkan persiapan dibuat sebaiknya. Kini, bakinya adalah yang ada dalam diri mahasiswa. Kuatkan usaha, gandakan langkah. Masa untuk berperang semakin jelas, buanglah jauh-jauh sikap mudah selesa dan segala penyakit malas!